## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
## BERITA PERIKANAN HARI INI

**05 MAC 2024**
**24 Syaaban 1444H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • |
| Kosmo ! | • |
| Sinar Harian | • |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • 9 nelayan warga asing ditahan, 3.7 tan hasil laut dirampas |
| Harakah | • |
| MalaysiaAktif | • Waspada Obor-Obor berbisa ancam nyawa di Kelantan |
| Bernama | • |
| Borneo Post (KK) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | MALAYSIAGAZZETE | / | PELBAGAI ........................... | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | / | | - | 5.03.2024 |

# 9 nelayan warga asing ditahan, 3.7 tan hasil laut dirampas



**GEORGE TOWN – Sebuah bot nelayan tempatan ditahan ketika sedang leka menangkap ikan menggunakan pukat tunda di kedudukan 14.2 batu nautika barat Muara Sungai Pinang di sini, semalam.**

**Pemangku Pengarah APMM Pulau Pinang, Komander Maritim Nak Rong Si Prom berkata, bot peronda APMM telah menahan bot terbabit ketika melaksanakan rondaan Ops Tiris 3.0, pada jam 6.10 petang.**

**Jelas beliau, hasil pemeriksaan mendapati terdapat seorang kru tempatan dan empat kru Myanmar atas bot berkenaan berusia antara 24 dan 42 tahun.**

**"Siasatan kita mendapati mereka melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 di bawah Seksyen 8(b) iaitu melanggar syarat sah lesen dengan melakukan aktiviti perikanan di bawah 15 batu nautika.**

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | MALAYSIA AKTIF | / | PELBAGAI ........................................ | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | / | | | - | 5.03.2024 |

# Waspada Obor-Obor Berbisa Ancam Nyawa di Kelantan



BACHOK, 5 Mac (Malaysiaaktif) – Kemunculan obor-obor berbahaya spesies Physalia Physalis atau dikenali sebagai 'Portuguese Man of War' di perairan pantai daerah Bachok, mengundang kegusaran penduduk setempat.

Menurut Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Negeri Kelantan Dr. Erniyta Osman, pihaknya telah menerima aduan orang ramai mengenai kehadiran obor-obor itu dan telah mengambil sampel untuk dianalisis.

"Melalui analisis sampel yang diambil, obor-obor itu disahkan spesis Physalia Physalis yang juga dikenali sebagai obor-obor 'Portuguese Man of War'," katanya semalam.

Tambahnya, obor-obor spesis ini mempunyai sengatan bisa yang boleh membawa maut disebabkan oleh ribuan sel penyengat yang dimiliki haiwan itu dan menyebabkan rasa sakit yang melampau jika terkena pada badan mangsa.

"Sehingga kini, kita masih belum ada antivenom yang boleh digunakan kepada mangsa untuk meneutralkan bisa daripada sengatan obor spesis Physalia selain ubat tahan sakit yang hanya membantu mengurangkan simptom sengatan.

"Jangan sentuh dan berenang di kawasan yang dikhuatiri mempunyai kehadiran obor-obor ini dan segera mendapatkan rawatan awal secepat yang mungkin sekiranya disengat," katanya.

Orang ramai termasuk pengunjung pantai peranginan dinasihatkan berjaga-jaga dengan kehadiran obor-obor di pesisir laut pantai dan disaran agar membuat aduan dan melaporkan kehadiran obor-obor ini segera kepada Pejabat Perikanan Daerah yang berhampiran bagi tindakan susulan atau secara terus kepada pihak Jabatan Perikanan menerusi talian utama FISHCOM di 03-8880 5019.